



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



PENCAPAIAN

PELAN STRATEGIK

FASA PERTAMA (2018-2020)

& ASPIRASI

FASA KEDUA (2021-2025)



Fasa I (2018-2020) “Memacu Peningkatan Sistem”

Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti - PSPKK (2018-2025) ialah rujukan utama semua warga untuk mencapai matlamat dan sasaran yang telah digariskan. Fasa Pertama dalam tempoh tiga tahun memberi tumpuan kepada peningkatan sistem di institusi. Buku ini merangkumkan pencapaian Politeknik dan Kolej Komuniti, mengikut pengkelasan enam Teras Strategik yang ditetapkan. Selari dengan kesiapsiagaan dan keupayaan warga Politeknik dan Kolej Komuniti, buku ini juga menjadi panduan bagi menyusun naratif aspirasi Fasa Kedua yang dilihat semakin mencabar ke arah merealisasikan Misi dan Visi serta mencapai aspirasi negara maju yang inklusif dan mampan.

PENAFIAN

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi.

Cetakan Pertama, 2020

Diterbitkan oleh:

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Aras 5, Galeria PjH, Jln. P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya, Malaysia
<http://mypolycc.edu.my/>

Tel: 603.8891 9000

Faks: 603.8891 9301

© 2020 Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Perpustakaan Negara Malaysia

Pencapaian Pelan Strategik Fasa Pertama (2018-2020)

& Aspirasi Fasa Kedua (2021-2025)

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi

ISBN 978-967-2243-91-5

eISBN 978-967-2243-92-2



Kandungan

01	Landskap PSPKK Fasa I (2018 – 2020)	iv
02	Pendahuluan	01
03	Pencapaian Fasa I (2018 - 2020)	04
3.1	Teras 1: Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti	06
3.2	Teras 2: Memantapkan Governan yang Responsif dan Mampan	10
3.3	Teras 3: Memperkaya Bakat	14
3.4	Teras 4: Menerajui Sistem Pendidikan Melalui TVET 4.0	18
3.5	Teras 5: Memperkukuh Kolaborasi Industri dan Komuniti	22
3.6	Teras 6: Membudaya Penyelidikan Gunaan dan Inovasi	26
04	Rumusan Pencapaian	29
05	TVET: Cabaran Semasa	31
06	Aspirasi PSPKK Fasa II (2021-2025)	33
07	“Menganjak ke Arah Kecemerlangan”	40
08	Daftar Singkatan & Rujukan	41
09	Redaksi & Penghargaan	42



Landsk

Bilangan Politeknik: 36
Bilangan Kolej Komuniti: 104
Bilangan COT: 11

Enrolmen
Politeknik: 86,466 pelajar (Sept. 2020)
Kolej Komuniti: 16,324 pelajar (Jun 2020)

Jumlah Graduan
Politeknik: 609,617 orang (1969-Jun 2020)
Kolej Komuniti: 179,155 orang (2003-Jun 2020)

Bilangan Program Pengajian Sepenuh Masa
92 di Politeknik (Sept. 2020)
67 di Kolej Komuniti (Jun 2020)



kap PSPKK Fasa I 2018-2020)

- Jemaah Menteri bersetuju dengan cadangan penggabungan semula JPP dan JPKK sebagai JPPKK pada 24 Mac 2017
- JPPKK beroperasi secara rasmi pada 16 Mac 2018
- Peletakkan semula JPPKK di bawah KPT pada Mac 2020

JUMLAH PPPT: 10,772 orang

- Pegawai JPPKK: 240 orang
- Pensyarah Politeknik: 7,419 orang
- Pensyarah Kolej Komuniti: 2,800 orang
- Jawatan Latihan (PPPT yang sedang sambung belajar): 243 orang
- Jawatan Kumpulan (*Pool-Post* di JPT, KPT, dll): 70 orang

Data hingga Nov. 2020

PSH POLITEKNIK

- Kursus Secara Sambilan
2018: 551 penyertaan
2019: 456 penyertaan
2020: 337 penyertaan
- Kursus Pendek & Terlanggan
2018: 30,925 penyertaan
2019: 36,207 penyertaan
2020: 21,791 penyertaan

Data hingga Okt. 2020

PSH KOLEJ KOMUNITI

- Program / Kursus PSH
(22 Bidang Kemahiran)
2018: 238,581 penyertaan
2019: 222,675 penyertaan
2020: 92,578 penyertaan

Data hingga Okt. 2020



Pendahuluan

Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK) merupakan dokumen perancangan strategik bagi mentransformasi Politeknik dan Kolej Komuniti dalam sistem pendidikan tinggi negara khususnya bidang TVET, ke arah membangunkan modal insan berkualiti dan bertaraf dunia dari tahun 2018 hingga 2025. Tempoh masa pelaksanaan pelan adalah selama tujuh tahun dan terbahagi kepada dua fasa, iaitu:

Fasa I (2018 – 2020): Memacu Peningkatan Sistem
Fasa II (2021 – 2025): Menganjak ke Arah Kecemerlangan

Merealisasikan Fasa Pertama bermula 2018 hingga 2020, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) komited melaksanakan aspirasi “[Memacu Peningkatan Sistem](#)” bersama-sama semua Politeknik dan Kolej Komuniti di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) seluruh negara. Tiga tahun pertama merupakan tempoh penyesuaian bagi semua warga untuk sama-sama berusaha, mencapai matlamat yang unggul dipacu satu sistem yang sepunya.



Politeknik Sultan Idris Shah
https://www.youtube.com/watch?v=nvE_0TVBEGA

VISI

Menjadi Peneraju Institusi TVET yang Unggul

MISI

- Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf
- Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat
- Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang
- Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan

Selari dengan kesiapsiagaan dan keupayaan warganya, pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh Politeknik dan Kolej Komuniti bagi menyokong setiap objektif strategik yang diatur di bawah enam Teras, iaitu: **Graduan; Governan; Bakat; Sistem Pendidikan; serta Penyelidikan dan Inovasi.** Pencapaian bagi segala aktiviti dan program kemudiannya diukur dan dinilai setiap tahun melalui *Key Performance Indicator* (KPI) dan Sasaran Kerja Utama (SKU) bagi membolehkan penambahbaikan prestasi dan perancangan yang lebih mantap.

Rangkuman pencapaian Fasa Pertama ini kemudiannya dibentang dan dianalisis, yang mana hasilnya dijadikan sebagai garis asas bagi perancangan Fasa Kedua. Dengan mengambil kira cabaran semasa serta penyesuaian terhadap landskap semasa pendidikan dan perkembangan TVET, hala tuju Politeknik dan Kolej Komuniti perlulah jelas agar Visi dapat dicapai melalui pelaksanaan Misi yang menyeluruh.



PSPKK Fasa I (2018-2020)

SEPULUH (10) BUAH POLITEKNIK MALAYSIA BERJAYA MEMPEROLEHI PENGIKTIRAFAN AKREDITASI DARIPADA ASIA PACIFIC ACCREDITATION AND CERTIFICATION COMMISSION (APACC).

1. POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN (PIS)
2. POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH (POLISAS)
3. POLITEKNIK UNGKU OMAR (PUO)
4. POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (PSA)
5. POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH (PSAS)
6. POLITEKNIK KOTA BHARU (PKB)
7. POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (POLIMAS)
8. POLITEKNIK SEBERANG PERAI (PSP)
9. POLITEKNIK KUCHING SARAWAK (PKS)
10. POLITEKNIK PORT DICKSON (PPD)



"Pengiktirafan ini membuktikan Malaysia memiliki kelompok institusi yang berkualiti tinggi dan ia menyaksikan usaha mengarusperdana aliran TVET. Ini merupakan usaha terbaik bagi memastikan politeknik memiliki kelompok bakat yang berkemahiran tinggi."

YB DATO' DR NORAINI AHMAD
MENTERI PENGAJIAN TINGGI





Pencapaian PSPKK Fasa I (2018 -2020)

Pencapaian Politeknik dan Kolej Komuniti telah ditentukan melalui penetapan Sasaran Kerja Utama (SKU) di Jabatan dan Institusi yang dipantau setiap tahun berdasarkan *Key Performance Indicator* (KPI). Demi memastikan institusi maju seiring Misi dan Visi yang ditetapkan, pemantauan pencapaian inisiatif di 36 Politeknik dan 104 Kolej Komuniti dilaksanakan melalui *PERSIST (Polytechnic & Community College Performance System)* di bawah penyelarasan Bahagian Governan dan Kecemerlangan, JPPKK. Penetapan KPI berubah-ubah setiap tahun, bergantung kepada hasil penilaian prestasi, rasionalisasi serta justifikasi sasaran mengikut keperluan dan tanda aras yang bersesuaian. Bilangan KPI sepanjang Fasa Pertama adalah seperti berikut:

- Tahun 2018: 25 KPI
- Tahun 2019: 26 KPI
- Tahun 2020: 24 KPI

TERAS

#

1

Pencapaian

PSPKK Fasa I (2018 -2020)



Teras 1

Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti

Pencapaian Teras 1

Menghasilkan GRADUAN TVET Berkualiti

Objektif Strategik (OS)

OS 1.1
Menghasilkan graduan
yang mempunyai
kebolehpasaran tinggi

OS 1.2
Menambahbaik
Ekosistem
Keusahawanan

OS 1.3
Membangunkan graduan
TVET berciri warga global

Pelaksanaan PSPKK Fasa Pertama 2018 - 2020 telah memperlihatkan kadar kebolehpasaran graduan yang cemerlang, iaitu melebihi 95 peratus untuk lima tahun berturut-turut (2015-2019), mengatasi sasaran ditetapkan. Kejayaan ini hasil pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik yang melonjakkan permintaan graduan seperti penubuhan Kluster Berfokus dalam bidang pelancongan, jaringan kerjasama dengan syarikat / industri berorientasikan 4IR, Portal Pekerjaan Tempatan dan *Structured Internship Programme* (SIP).

Selain itu, pelbagai usaha proaktif berorientasikan industri dilaksanakan bagi memperkukuh kualiti graduan. Antara program yang dijalankan adalah seperti *Reskilling, Upskilling & Cross-skilling*, dan *Finishing School Programme* yang memberi nilai tambah kepada graduan melalui pensijilan daripada badan / agensi ternama seperti CILT dan CISCO. Turut menyokong objektif strategik ini ialah inisiatif-inisiatif pemerkasaan pelajar oleh *Unit Corporate, Industrial Services & Employability Centre* (CISEC) dan Pegawai Pehubungan Industri dan Alumni (PPIA) di institusi, pelaksanaan Program 1L5G dan pembangunan Profil Pelajar menerusi Sistem Penasihat Akademik.

JPPKK menerima peruntukan serta dana keusahawanan untuk membiayai program-program keusahawanan di peringkat institusi. Hasilnya, lebih 6,000 graduan telah menceburi bidang keusahawanan dalam tempoh tiga tahun. Peningkatan bilangan graduan yang menceburi bidang keusahawanan telah berjaya menarik perhatian khalayak ramai dengan memperoleh keuntungan yang membanggakan. Kejayaan ini diraih melalui keberhasilan program dan aktiviti seperti *PolyCC Incubator Classroom*, Gerak Usahawan Kampus dan pelbagai program pendedahan serta pembangunan keusahawanan yang disokong erat badan / agensi kerajaan mahupun swasta.

>>

Pencapaian



Kebolehpasaran
(purata 2018 & 2019)
Politeknik: 96.4%
Kolej Komuniti: 97.2%



Bilangan Usahawan (Graduan)
Politeknik: 4,341 orang
Kolej Komuniti: 2,346 orang



Menempa Kejayaan
(Kebangsaan/Antarabangsa)
256 pelajar



International Student Exchange
Programme (ISEP)
141 pelajar

Data 2018 hingga Okt. 2020

>>

Graduan bercirikan *Global Citizen* (Warga Global) merupakan fokus strategik yang mengenengahkan kualiti bakat dan potensi pelajar di persada antarabangsa. Bagi tahun 2018 hingga 2020, lebih kurang 300 pelajar telah melakar kejayaan menerusi pertandingan kemahiran, inovasi, sukan di peringkat nasional dan antarabangsa. Hampir sejumlah 150 pelajar telah berpeluang menimba pengetahuan dan pengalaman dipelbagai platform antarabangsa seperti SEATVET *Student Exchange Programme*, *Learning Express Programme* (LeX) dan *Global Work Integrated Learning* (GWIL). Pendedahan yang diketengahkan di peringkat global mampu meluaskan pandangan hidup (*world view*) dan pengalaman pelajar dalam merancang hala tuju masa hadapan mereka. Seiring itu, usaha ini turut memposisikan Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai institusi TVET terulung pada landskap pengajian tinggi serantau.

TERAS

#

2

Pencapaian

PSPKK Fasa I (2018 -2020)



Teras 2

Memantapkan Governan yang
Responsif dan Mampan

Pencapaian Teras 2

Memantapkan GOVERNAN yang Responsif dan Mampan

Objektif Strategik (OS)

OS 2.1

**Memperkasa Institusi
TVET berpacuan 4IR**

OS 2.2

**Memperkukuh pengurusan
kewangan dengan cekap,
berhemat dan mampan**

Kecemerlangan organisasi memerlukan aspek tadbir urus yang mantap, responsif dan mampan. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa objektif strategik diperlukan bagi memperkasa institusi TVET berpacuan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dan memperkukuh pengurusan kewangan dengan cekap, berhemat dan mampan dilaksanakan di Jabatan dan Institusi.

Sistem pendidikan negara mesti seiring dengan 4IR ketika Malaysia sedang menuju ke arah era tersebut. Era 4IR berlaku apabila elemen teknologi maklumat dan komunikasi seperti *Internet of Things* (IoT), antara lainnya, diterapkan. Sehubungan itu, memperkasa institusi TVET berpacuan 4IR menjadi objektif strategik yang utama. Antara inisiatif yang dilaksanakan bagi mencapai objektif strategik ini ialah memupuk kesedaran dan pengetahuan tentang 4IR, menyediakan infrastruktur berciri 4IR dan mengupayakan warga kerja institusi, meningkatkan jenama dan reputasi institusi, meningkatkan tadbir urus melalui *lean management*, mewujudkan persekitaran kondusif melalui budaya kerja yang positif dan menyediakan fasiliti terkini termasuk prasarana dan kelengkapan yang relevan. Menerusi inisiatif *lean management* misalnya peningkatan produktiviti dan kualiti ditambah baik melalui percambahan idea dan amalan pelaksanaan kerja secara berkesan.

Memperkukuh pengurusan kewangan dengan cekap, berhemat dan mampan oleh Jabatan dan Institusi adalah untuk memastikan kecemerlangan dan keunggulan organisasi tercapai. Inisiatif yang dilaksanakan di bawah strategi ini ialah mempelbagaikan sumber kewangan, mencapai matlamat organisasi yang digariskan melalui keberkesanan kos dan mengurus kewangan secara cekap dan mematuhi peraturan dan prosedur.

>>

Pencapaian



Cashless@Campus
10 institusi rintis dan di
semua institusi mulai 2020



Availability



Performance



Quality

OEE (Overall Equipment Efficiency)
Penggunaan eSPKP
(Sistem Penilaian Kecekapan Prasarana)



Lean Management
7 Kluster Pelaksanaan dengan
258 Aktiviti *Lean* / tahun



Prestasi Perbelanjaan
2018: 99.56%
2019: 99.67%
2020: 99%

Perbelanjaan (P63/P64)
98% - 100%



Prestasi Bayaran
Bil & Tuntutan (dalam 7 hari)
2018: 99.35%
2019: 98.65%
2020: 96.99%



Bilangan Hebahan
di Media Sosial
2018: 5,656
2019: 9,995
2020: 9,391

Data 2018 hingga Okt. 2020

>>

Justeru, Jabatan dan Institusi akan terus memastikan tadbir urus yang mantap, responsif dan mampan dapat dicapai menerusi pelbagai inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan secara konsisten. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran yang dihadapi melibatkan kesedaran dan penerimaan pihak-pihak yang terlibat dalam melaksanakan inisiatif tersebut. Sebagai contoh, dalam melaksanakan inisiatif *e-Wallet / Cashless@Campus*, kesediaan semua pihak yang terlibat, staf dan pelajar terhadap transaksi tanpa tunai dan ketersediaan prasarana perlu diambil kira. Begitu juga dengan inisiatif-inisiatif lain, yang mempunyai cabaran pelaksanaan tersendiri perlu ditangani dengan berkesan bagi memastikan organisasi mencapai kejayaan dan kecemerlangan berterusan.

TERAS

#

3

Pencapaian

PSPKK Fasa I (2018 -2020)



Teras 3
Memperkaya Bakat

Pencapaian Teras 3

Memperkaya BAKAT

Objektif Strategik (OS)

OS 3.1

**Melahirkan tenaga pengajar
yang efektif melalui
pembangunan bakat yang
komprehensif**

Jabatan dan Institusi sentiasa prihatin dengan warga kerjanya yang merupakan aset penting kepada organisasi. Ini dibuktikan dengan perancangan strategik yang sistematik bagi memperkaya bakat secara berterusan dan efektif melalui pelbagai program yang telah dirancang dan kemudiannya dilaksanakan.

Justeru itu, memperkaya bakat dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran merupakan aspek penting yang dititikberatkan. Melalui penetapan objektif strategik melahirkan tenaga pengajar yang efektif melalui pembangunan bakat yang komprehensif, PPPT dikehendaki dan digalakkan untuk mengikuti program pembangunan bakat bersama industri, *Multiskilling Programme*, *Executive Management TVET*, *Attachment Programme* (SIP), Program Peningkatan Kemahiran (PPK), Kursus *Career Path Competency Matrix* (CPCM), Kursus dalam Perkhidmatan (KUDAP) dan Skim Hadiah Latihan Persekutuan (SHLP).

Selain itu, Program *Leadership and Management Development* (LEAD) dan program peningkatan tahap akademik juga dilaksanakan selaras usaha memantapkan pengurusan dan kepimpinan organisasi di bawah JPPKK. Walau bagaimanapun cabaran yang perlu ditempuh dan ditangani pada masa ini ialah peruntukan kewangan yang terhad dan impak pandemik COVID-19 yang memberi kesan besar kepada organisasi.

Rumusannya, melalui Program Pengayaan Pengalaman di Industri, Program Pembangunan Kepimpinan Terkini dan Program Pemantapan Perkembangan Profesional Pengajaran dan Pembelajaran 4.0, usaha melahirkan tenaga pengajar yang efektif dan memantapkan barisan kepimpinan dalam kalangan PPPT dapat dilaksanakan ke arah pembangunan bakat yang komprehensif.

Pencapaian



Program Pembangunan Bakat (PPPT)

2019: 10.5%

⇒ Politeknik: 779 peserta ⇒ Kolej Komuniti: 327 peserta

2020: 8.76%

⇒ Politeknik: 774 peserta ⇒ Kolej Komuniti: 184 peserta

Data Jan. 2019 hingga Okt. 2020



7 Program Pemantapan Perkembangan Profesional PdP 4.0 Bilangan Peserta: 200 orang

Data 2018 hingga 2019



1,948 PPPT Naik Pangkat

⇒ Pemangkuan 2017/2018: 48 orang
⇒ Pemangkuan 2018/2019: 1,900 orang

TERAS

#

4

Pencapaian

PSPKK Fasa I (2018 -2020)



Teras 4

Menerajui Sistem Pendidikan Melalui TVET 4.0

Pencapaian Teras 4

Menerajui SISTEM PENDIDIKAN Melalui TVET 4.0

Objektif Strategik (OS)

OS 4.1
Mentransformasi program
pengajian menepati
permintaan industri

OS 4.2
Meningkatkan
keberkesanan mekanisma
penyampaian

OS 4.3
Memperluas akses

OS 4.4
Mendapatkan pengiktirafan
dan/atau akreditasi

Teras strategik keempat memberi fokus kepada sistem pendidikan melalui TVET 4.0 di Politeknik dan Kolej Komuniti dengan tuntutan agar institusi TVET berupaya mendepani cabaran persaingan global, krisis ekonomi dan perkembangan teknologi semasa. TVET 4.0 melibatkan strategi transformasi program pengajian dan penyelidikan yang diiktiraf serta berkait dengan keperluan industri seiring 4IR, penyampaian pembelajaran dan pengajaran inovatif, perluasan akses TVET kepada semua lapisan masyarakat, membangunkan bakat warga profesional efektif dan graduan *industry-fit* serta tadbir urus Jabatan dan institusi yang cekap.

Sepanjang pelaksanaan pelan ini, JPPKK telah membangunkan dan menambahbaik kurikulum program pengajian di Politeknik dan Kolej Komuniti dengan menerapkan elemen 4IR, *green technology*, dan *Sustainable Development Goals* (SDG) bagi memastikan program kekal relevan dengan keperluan industri dan perubahan di peringkat global. Selain memperkasakan *Outcome-based Education* (OBE) melalui kaedah *Work Based Learning* (WBL) yang melibatkan industri di dalam proses pembelajaran dan pengajaran, Jabatan telah mula mereka bentuk dan menggunakan kurikulum bersepadu (integrated curriculum) melalui kerangka *Conceive, Design, Implement and Operate* (CDIO) dalam beberapa program pengajian.

Sebagai institusi TVET, aspek penyampaian kurikulum juga amat penting bagi memastikan Politeknik dan Kolej Komuniti tidak ketinggalan dalam arus perkembangan teknologi terkini. Sehubungan dengan itu, beberapa inisiatif diambil bagi mengadaptasi teknologi dalam pembelajaran dengan mewujudkan *Technology Enabled Collaborative Classroom* (TeCC) serta menambah baik ruang pembelajaran secara kreatif dan inovatif.

Politeknik dan Kolej Komuniti bertekad untuk menjadi peneraju institusi TVET tersohor melalui proses penambahbaikan berterusan bagi meningkatkan kualiti sistem pendidikannya. Hasilnya, 10 Politeknik telah mendapat pengiktirafan peringkat Emas dari *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission* (APACC) di samping beberapa pengiktirafan lain daripada badan pengiktirafan tempatan mahupun antarabangsa.

Pencapaian



32 Learning Spaces - TeCC (Technology Enabled Collaborative Classroom)

- 2018: 23 Politeknik (≥3 Star)
- 2019: 27 Politeknik (≥3 Star)



CQI (Continuous Quality Improvement)

- Politeknik: 77 program pengajian
- Kolej Komuniti: 17 program pengajian



100% Blended Learning



Integrated Curriculum (Intra & Inter-programme)

- Politeknik: 15 program pengajian



Program ACES

- Apprenticeship Programme
- Professional Certification
- Entrepreneurship Programme
- Sijil Persediaan



Pengiktirafan (Tempatan/Antarabangsa)

APACC, C&G, CDIO, CILTM, ATO, IMI,
Jabatan Laut, Suruhanjaya Tenaga &
Halal Professional Board JAKIM



GoT (Graduate on Time)

- 2018: 74%
- 2019: 83%

Data 2018 hingga Okt. 2020

TERAS

#

5

Pencapaian

PSPKK Fasa I (2018 -2020)



Teras 5

Memperkukuh Kolaborasi Industri dan Komuniti

Pencapaian Teras 5

Memperkukuh KOLABORASI Industri dan Komuniti

Objektif Strategik (OS)

OS 5.1
Memperkukuh jaringan
industri-institusi

OS 5.2
Memastikan sumbangan
signifikan kepada negara
dan komuniti

OS 5.3
Memperkukuh hubungan
dengan alumni

Sebagai institusi TVET yang menjalankan program pengajian berlandaskan industri, Politeknik dan Kolej Komuniti sentiasa menjalin kolaborasi strategik dengan industri, institusi pendidikan, komuniti, agensi awam dan swasta. Kolaborasi ini melibatkan pelbagai bidang dan aspek seperti latihan pelajar, sangkutan tenaga pengajar dan pekerja, kerjasama pembangunan teknologi dan inovasi, pembangunan dan pengkomersialan produk serta perkongsian ilmu dan kemahiran melalui pelbagai aktiviti dan program kerjasama.

Secara amnya, Politeknik dan Kolej Komuniti telah melaksanakan kolaborasi strategik dengan lebih seribu syarikat dari tahun 2018 sehingga Oktober 2020. Sebagai contoh, antara kolaborasi berimpak tinggi yang berjaya dilaksanakan adalah seperti di Politeknik Ungku Omar dengan Trans Resources Corporation Sdn. Bhd. dalam bidang pembinaan dan Kolej Komuniti Sungai Petani dengan Syarikat Aim Coffee dalam bidang kulinari dan perhotelan.

Selain daripada melaksanakan pengajian sepenuh masa, Politeknik dan Kolej Komuniti juga menawarkan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) selaras dengan Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional (2011-2020). Antara inisiatif pelan tersebut ialah pelaksanaan program PSH, sama ada secara formal, tidak formal atau bukan formal dalam pelbagai bidang kemahiran yang diperlukan oleh individu, komuniti dan pekerja industri. Sehingga kini, sebanyak 22 bidang kemahiran PSH ditawarkan oleh Kolej Komuniti melibatkan kumpulan sasar seperti belia, warga emas, golongan miskin tegar, Orang Kelainan Upaya (OKU), Orang Asli, ibu tunggal dan pelajar dari institusi tahfiz dan pondok menerusi program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH).

>>

Pencapaian



**MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT INDUSTRI (IAC)
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

1,190 Kolaborasi Industri (2018-2020)

- 2018: 578 industri (kolaborasi aktif)
- 2019: 449 industri (kolaborasi berimpak tinggi)
- 2020: 163 industri (kolaborasi berimpak tinggi)



644,101 Penyertaan PSH

- Politeknik: 90,267 penyertaan
- Kolej Komuniti: 553,834 penyertaan

Data 2018 hingga Okt. 2020



705 Program Alumni

- 2018: 237 program
- 2019: 360 program
- 2020: 108 program

Data 2018 hingga Okt. 2020



>>

Seterusnya, penglibatan alumni, dalam menyokong dan menyumbang secara sukarela kepada *alma mater* dan pelajar-pelajar di institusi turut diaktifkan bagi mengekal dan mengembangkan potensi institusi dan pelajarnya. Justeru, sebanyak 705 program bersama alumni dan persatuan alumni telah diadakan sepanjang tahun 2018 sehingga Oktober 2020, manakala MyAlumni Politeknik dan Kolej Komuniti dilancarkan sebagai saluran rasmi bagi memudahkan hubungan di antara alumni dengan pelajar dan institusi. Oleh demikian, ia memberi faedah bermakna dalam memperkaya pengalaman pelajar serta memberi peluang kepada alumni untuk menyumbang semula dan menambah nilai kompetensi pelajar dalam pelbagai aktiviti melalui platform yang wibawa.

TERAS

#

6

Pencapaian

PSPKK Fasa I (2018 -2020)



Teras 6

Membudaya Penyelidikan
Gunaan dan Inovasi

Pencapaian Teras 6

Membudaya PENYELIDIKAN GUNAAN DAN INOVASI

Objektif Strategik (OS)

OS 6.1 **Melestari ekosistem penyelidikan dan inovasi**

Usaha Jabatan dan institusi dalam mempergiatkan penyelidikan gunaan dan inovasi turut diberi keutamaan melalui objektif strategik Melestari Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi. Dalam fasa ini, pihak Kementerian telah meluluskan peruntukan RM6,736,537 dana penyelidikan TVET *Applied Research Grant Scheme* (TARGS) dan *Public Private Research Network* (PPRN). Sebanyak 102 projek pembangunan produk inovasi melalui dana penyelidikan TARGS dan PPRN melalui kolaborasi pintar dengan pihak agensi, industri dan komuniti bagi mengaplikasi produk yang dihasilkan melalui kepakaran warga institusi.

Penghasilan produk melalui projek PPRN telah meningkatkan produktiviti industri kecil dan sederhana. Selain itu, sebanyak 456 produk inovasi dihasilkan serta mendapat pengiktirafan melalui penyertaan pertandingan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Produk ini juga dapat diaplikasi oleh institusi dan industri melalui konsep *solution provider*. Justeru, pembangunan inovasi melalui penyelidikan gunaan memberi implikasi yang signifikan terhadap kepakaran dan kemahiran warga institusi dan ia membuktikan bahawa Politeknik dan Kolej Komuniti mempunyai penyelidikan dan inovasi berkualiti kerana mendapat pengiktirafan pihak luar. Tenaga pengajar turut menghasilkan sebanyak 2,248 kertas penyelidikan yang disebar dan dikongsi dalam penerbitan ilmiah melalui tujuh jurnal pelbagai bidang yang dikeluarkan.

Teras ini memberi ruang dan peluang kepada warga membuat kajian dan melontarkan idea dalam pelbagai bidang disiplin. Justeru, institusi telah menganjur pelbagai pertandingan inovasi dan seminar dalam memartabatkan TVET. Sebanyak 61 seminar dan pertandingan inovasi dilaksanakan sepanjang tiga tahun ini dan manfaatnya dikongsi bersama-sama dengan institusi pengajian tinggi awam dan swasta termasuk juga pihak industri. Hasil usaha ini disokong sepenuhnya di bawah pusat penyelidikan di setiap institusi dalam membantu menyelaras, menilai dan mempromosi semua aktiviti penyelidikan secara efektif.

Pencapaian



11 COT (Centre Of Technology)
➔ Menjadi rujukan agensi luar



456 Produk Inovasi
➔ 2018: 301 ➔ 2019: 97 ➔ 2020: 58



2,248 Kertas Penyelidikan
➔ 2018: 960 ➔ 2019: 1,062
➔ 2020: 226



16 Penganjuran Pertandingan Inovasi
➔ 2018: 3 ➔ 2019: 9 ➔ 2020: 4



102 Dana Penyelidikan
➔ 2018: 24 ➔ 2019: 64 ➔ 2020: 14



45 Penganjuran Seminar
➔ 2018: 21 ➔ 2019: 19 ➔ 2020: 5



RM6,736,537 Jumlah Dana Penyelidikan
➔ 2018: RM2,000,097
➔ 2019: RM3,782,440
➔ 2020: RM954,000



Projek T-ARGS
➔ Boat Hull Made Of Treated Natural Fiber Hybrid Composite Laminate
➔ Emergency Exit Lockset For Grille Door



Projek PPRN
➔ Cotton-Woolly Decompression Machine
➔ Onion Peeler Machine
➔ Multi Purpose High Speed Spray Painting Machine

Data 2018 hingga Okt. 2020


Rumusan Pencapaian PSPKK FASA I (2018-2020)

Secara keseluruhan, PSPKK Fasa Pertama (2018-2020) telah **MENCAPAI** objektif dalam kebanyakan program, aktiviti dan inisiatif yang dirancang.


Berpandukan Peta Strategi Politeknik dan Kolej Komuniti 2018 hingga 2025, Politeknik dan Kolej Komuniti berjaya mengekalkan tahap kebolehpasaran graduan yang tinggi serta melatih lebih setengah juta peserta dalam program Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Namun dalam fasa seterusnya, beberapa pernyataan KPI dan OS perlu disemak dan diubah supaya ia boleh dilaksanakan dan diukur serta efisien dan efektif untuk mencapai Misi dan Visi yang ditentukan.

Beberapa perkembangan baharu di peringkat negara, Kementerian, Jabatan dan Institusi menuntut langkah-langkah penyesuaian dan penambahbaikan seterusnya dilakukan dari semasa ke semasa.



Peta Strategi Politeknik dan Kolej Komuniti (2018-2025)



TVET:



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030



Sumber : BERNAMA

#KitaMalaysia

Sepanjang tempoh PSPKK Fasa Pertama dilaksanakan, beberapa perkembangan baharu yang secara langsung atau tidak memberi kesan terhadap landskap TVET negara. Perkembangan tersebut perlu difahami dan dinilai kesan serta impaknya terhadap institusi, pelajar, program mahupun warga Politeknik dan Kolej Komuniti. Berikut diringkaskan beberapa perkembangan baharu yang perlu diambil kira bagi merencana strategi Politeknik dan Kolej Komuniti pasca 2020:

Perubahan Pengurusan Tertinggi dan Hala Tuju

Bermula Mac 2020, JPPKK telah diletakkan semula di bawah KPT. Perubahan pengurusan tertinggi sedikit sebanyak memberi kesan kepada hala tuju Politeknik dan Kolej Komuniti. Selain itu, dapatan daripada dua Bengkel Hala Tuju Kolej Komuniti yang diadakan pada tahun 2019 memberi input penting bagi strategi pemerkasaan Kolej Komuniti sebagai hab Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030)


Pada tahun 2019, pihak Kerajaan telah melancarkan dasar WKB 2030 yang menggariskan matlamat sepuluh tahun untuk menstruktur semula ekonomi Malaysia, iaitu daripada ekonomi berasaskan aktiviti kemahiran rendah kepada ekonomi berasaskan pengetahuan, bermatlamatkan rakyat menikmati standard kehidupan yang lebih baik. WKB 2030 menjadikan TVET sebagai salah satu pembolehdaya yang menyumbang ke arah pembentukan negara membangun yang makmur dan inklusif. Penekanan bukan sahaja diberikan terhadap pendidikan secara umum, malah tumpuan turut diberikan kepada pendidikan berasaskan keberhasilan dalam mengurusperdanakan bidang TVET bagi menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam sektor ekonomi masa hadapan.

Cabaran Semasa



Rancangan Malaysia Ke-12

RMK-12 merupakan pelan ekonomi jangka sederhana yang mana tempoh bagi pelaksanaan pelan tersebut adalah selama lima tahun (2021-2025). RMK merupakan terjemahan dari sebuah wawasan kepada pelaksanaan konkrit dan matlamat yang boleh dinilai secara objektif. Bagi penyediaan RMK-12, JPPKK telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan Kertas Strategi TVET RMK-12 yang menyumbang kepada Bab 8: Membangunkan Bakat Yang Didorong Oleh Pertumbuhan Ekonomi. Justeru, perkara ini juga perlu diambil kira dalam merancang PSPKK untuk fasa seterusnya.



Pandemik COVID-19

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan dan merubah norma kehidupan masyarakat dunia. Keadaan ekonomi yang tidak menentu dan ramalan pakar ekonomi bahawa dunia akan mengalami kemelesetan akibat dari pandemik ini dapat dilihat dengan kejatuhan harga komoditi utama seperti minyak mentah yang ketara dan ketidaktentuan berterusan dalam sektor komoditi secara drastik menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan. Implikasi wabak COVID-19 ini dijangka berpanjangan dan akan mewujudkan norma baharu masyarakat termasuk dalam bidang pendidikan yang wajar dipertimbangkan bagi memastikan pengoperasian Politeknik dan Kolej Komuniti berada di landasan yang betul, bersesuaian dengan keperluan industri dan pasaran semasa.

Aspirasi

PSPKK Fasa II (2021-2025)

Aspirasi pelaksanaan Fasa Kedua PSPKK berfokuskan kecemerlangan menerusi operasi yang progresif dan dinamik. Melalui aspirasi “**Menganjak ke Arah Kecemerlangan**” berikut digariskan semula beberapa strategi utama yang telah dirancang bagi Politeknik dan Kolej Komuniti sebelum ini, seperti berikut:

- Memperkasa strategi dan inisiatif bagi menganjak Politeknik dan Kolej Komuniti ke arah kecemerlangan;
- Menilai keberkesanan pelaksanaan autonomi lebih meluas untuk institusi selepas diperbadankan;
- Melengkapkan penjenamaan semula TVET menjadi laluan pilihan;
- Menambah baik sistem penarafan institusi dan sistem jaminan kualiti secara berterusan;
- Memastikan kecemerlangan institusi diterajui bakat yang kompeten agar seiring dengan revolusi industri;
- Menilai secara berterusan perkembangan positif ekosistem inovasi.



Maka dengan itu, hasil daripada penilaian Pencapaian Fasa Pertama, pertimbangan yang dibuat berdasarkan cabaran semasa serta melihat kepada kekuatan sedia ada, semakan ke atas perancangan PSPKK Fasa Kedua (2021-2025) sedang dilakukan seiring dengan hala tuju KPT. Menerusi siri perbengkelan, mesyuarat dan perbincangan, didapati beberapa inisiatif kekal relevan untuk diteruskan, manakala pada aspek lain, wujud beberapa perkara yang sebaliknya. Justeru, huraian seterusnya memberi gambaran kasar Hala Tuju PSPKK Fasa Kedua berdasarkan enam Teras Strategik yang telah dimurnikan. Namun begitu, PSPKK Fasa Kedua masih boleh berubah tertakluk kepada keputusan KPT yang sedang dalam rangka menyusun semula hala tuju strategik pendidikan tinggi negara.

Menghasilkan GRADUAN TVET Berkualiti

Politeknik dan Kolej Komuniti bertanggungjawab memupuk bakat berkemahiran serta menggalakkan pembangunan kerjaya individu. Justeru, penghasilan graduan yang memiliki kualiti diperlukan industri, penyediaan ekosistem yang menyokong pembangunan keusahawanan pelajar dan pembangunan graduan TVET berciri warga global (*global citizen*) merupakan inisiatif-inisiatif yang digariskan bagi menghasilkan graduan TVET yang holistik dan kompeten serta bersedia untuk meningkatkan diri sepanjang kerjaya mereka melalui aktiviti pendidikan dan latihan berterusan.

PELUANG DAN CABARAN

Cabaran dan perubahan semasa mendorong institusi untuk melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) menggunakan teknologi dengan lebih meluas. Transisi ke arah PdP berasaskan teknologi digital seharusnya dijadikan peluang untuk melakukan penambahbaikan secara kreatif. Naratif pengantarabangsaan juga memerlukan sentuhan norma baharu yang lebih bermakna dan lestari melalui pendekatan alternatif seperti perkongsian ilmu secara global melalui pelbagai platform yang menuntut kreativiti dan inovasi warga pensyarah dan pelajar.

TUMPUAN 2021-2025

Beberapa perkara perlu diberi perhatian dalam tempoh lima tahun mendatang ini, antaranya mengukuhkan aktiviti dan program kemahiran yang diperlukan pasaran kerja masa hadapan, dan memperkasakan persekitaran keusahawanan berciri digital yang disokong teknologi semasa. Selain itu, program dan aktiviti berkonsep *coaching and mentoring* diperluas bagi memastikan kesinambungan bimbingan laluan kerjaya pelajar. Naratif baharu ekosistem pengantarabangsaan diberi tumpuan dengan mempergiat aktiviti secara dalam talian seperti wacana ilmu dan pameran, kursus dan pertandingan serta program *internship* yang melibatkan pelbagai disiplin ilmu kemahiran.

KEBERHASILAN

Diharapkan, generasi TVET abad ke-21 menguasai disiplin ilmu pengetahuan dan insaniah, daya pemikiran berkelas tinggi, berakhlak mulia, berswadaya tinggi dan berdaya keusahawanan (*enterprising*). Ini akan memastikan graduan TVET sentiasa relevan dengan perkembangan semasa dan seterusnya menyumbang kepada pembinaan masyarakat progresif bagi pembentukan negara maju.



Memantapkan GOVERNAN yang Responsif dan Mampan

Governan yang responsif dan mampan di Jabatan dan Institusi dapat memacu prestasi serta kualiti tadbir urus menjelang tahun 2025. Perkara ini dapat direalisasikan melalui pewujudan hala tuju strategik organisasi yang peka terhadap perubahan persekitaran serta evolusi yang berlaku dalam ekosistem TVET negara dan juga global. Justeru, penambahbaikan berterusan kualiti penyampaian, peningkatan produktiviti dan kecekapan tadbir urus di institusi bakal terhasil bagi menyokong Misi dan Visi.

PELUANG DAN CABARAN

Kemampuan dalam tadbir urus bukan sahaja memberi penegasan dalam aspek kualiti pengurusan, malah usaha meningkatkan jenama serta reputasi institusi turut sama diberi ruang untuk berkembang, di samping usaha-usaha melengkapkan institusi dengan fasiliti serta kemudahan terkini. Hal ini pastinya akan dapat menaikkan imej TVET bagi Politeknik dan Kolej Komuniti supaya tekal mendepani perkembangan teknologi serta sedaya mampu berusaha memenuhi kehendak dan keperluan pemegang taruhnya. Komitmen serta akauntabiliti pihak pengurusan dan warga yang konsisten turut menjadi aspek yang penting bagi menyokong kelancaran pelan strategik ini. Selain itu, tahap kesedaran dan pengetahuan 4IR dalam kalangan warga dan infrastruktur berciri 4IR, masih memerlukan sokongan mantap daripada pelbagai pihak. Pandemik COVID-19 menunjukkan betapa pentingnya adaptasi teknologi digital diterapkan pada semua peringkat tadbir urus TVET. Transformasi ekosistem TVET di Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai *game changer* perlu direalisasikan seperti yang dihasratkan dalam agenda WKB 2030.

TUMPUAN 2021-2025


Dalam fasa ini, tumpuan diberi kepada strategi memperkukuh kelengkapan teknologi dalam sistem operasi Jabatan dan Institusi serta memperkasa tadbir urus dan memperkukuh pengurusan kewangan yang cekap, berhemat dan mampan. Strategi ini perlu digerak secara bersepadu bagi memastikan kecemerlangan dan keberkesanan pelan yang dirancang.

KEBERHASILAN

Dengan adanya governan yang responsif dan mampan, penambahbaikan operasi secara berterusan pasti memberi kesan positif kepada kualiti penyampaian, produktiviti dan kecekapan institusi. Petunjuk kepada kecemerlangan organisasi adalah apabila jenama dan reputasi institusi meningkat secara konsisten, manakala kecemerlangan operasi dan kepuasan pelanggan (pelajar dan pemegang taruh) dicapai pada tahap optimum. Ini akan meyumbang kepada kemakmuran sosioekonomi negara.



Sistem Penilaian
Kecekapan Prasarana



Pemeriksaan BAKAT

Kecemerlangan warga kerja Jabatan dan Institusi merupakan pemboleh daya kepada kecemerlangan sistem pendidikan di Politeknik dan Kolej Komuniti. Dalam konteks pelan ini, 'Pemeriksaan Bakat' merujuk kepada usaha yang sistematik ke arah melahirkan warga Jabatan dan Institusi yang berketerampilan.

PELUANG DAN CABARAN

Umum menyedari bahawa COVID-19 telah mengubah secara drastik landskap ekonomi negara dan global. Cara kerja dan aktiviti sosial turut terkesan berikutan amalan norma baharu yang bertujuan untuk mengurangkan risiko penularan wabak tersebut, dan dalam masa yang sama perlu menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti perlu sensitif kepada perubahan ini seterusnya segera beradaptasi dengan peluang-peluang baharu yang muncul daripada cabaran ini.

Sehubungan itu, aktiviti pembangunan bakat perlu disusun semula melalui beberapa inisiatif seperti pemerikasaan sangkutan industri pensyarah serta memperluas perkongsian pengetahuan antara pensyarah dan industri. Inisiatif-inisiatif seperti ini akan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para pensyarah berkaitan teknologi terkini dan amalan baik di industri. Seiring itu, program-program pembangunan profesionalisme berterusan dalam strategi pendidikan dan kepimpinan instruksional (ESIL – *Educational Strategy and Instructional Leadership*) akan sentiasa dimantapkan agar penyampai PdP tetap efisien dan efektif walaupun negara berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19.

Dalam menuju Misi dan Visi yang ditetapkan, semua warga Jabatan dan Institusi tanpa mengira skim perkhidmatan perlu memahami dan menjiwai ekosistem TVET di Politeknik dan Kolej Komuniti. Sehubungan itu, pendedahan secara berstruktur kepada semua warga berkaitan TVET akan dirancang. Bagi memantapkan barisan kepimpinan, model pelan penggantian PPPT akan diperkembangkan seterusnya program-program pembangunan dan pemantapan kepimpinan akan dipergiatkan.

TUMPUAN 2021-2025

Mempergiat perkongsian pengetahuan antara pensyarah dan pengamal industri secara berterusan serta memperkasakan pelan penggantian PPPT adalah tumpuan PSPKK Fasa Kedua. Kedua-dua elemen ini perlu digerak secara bersepadu bagi memastikan kecemerlangan dan keberkesanan pelan yang dirancang.

KEBERHASILAN

Hasil daripada inisiatif yang telah dirancang ini, diharapkan agar Jabatan dan Institusi dapat melahirkan warga berketerampilan yang boleh diketengahkan, seterusnya berupaya mengharumkan imej Politeknik dan Kolej Komuniti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Model Pengurusan Bakat Bersepadu PPPT



ESIL

Educational Strategy & Instructional Leadership



Pelan Penggantian
PPPT

Pemantapan PROGRAM PENGAJIAN

Teras Keempat memberi fokus kepada penawaran program pengajian TVET yang relevan, pemantapan kurikulum, penyampaian dan pengiktirafan program agar lebih bersedia dengan tuntutan semasa supaya Politeknik dan Kolej Komuniti kekal mendepani cabaran persaingan global, krisis ekonomi, pandemik COVID-19 dan perubahan teknologi ke arah ekonomi digital.

PELUANG DAN CABARAN

Secara umumnya, pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada pelaksanaan aktiviti pembelajaran, pengajaran dan pentaksiran di Politeknik dan Kolej Komuniti. Ia juga telah membuka peluang baharu kepada institusi meneroka kaedah kreatif dan inovatif dalam memantapkan pelaksanaan program pengajian. Dalam mengharungi persekitaran ekonomi yang semakin mencabar, beberapa inisiatif telah dirancang seperti membangun dan menjajarkan program pengajian berlandaskan tuntutan industri. Kaedah penyampaian kurikulum juga sentiasa dipelbagaikan melalui teknologi digital bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kreatif dan inovatif dengan bantuan teknologi terkini seperti penggunaan *Augmented Reality* (AR) dan *Virtual Reality* (VR). Usaha ke arah kecemerlangan penilaian dan pentaksiran juga ditingkatkan bagi mencapai kualiti program pengajian yang diiktiraf hingga ke peringkat antarabangsa.

TUMPUAN 2021-2025

Usaha ke arah kecemerlangan akan didukung oleh inisiatif pembangunan / penjajaran program pengajian dan kursus baharu, serta memperluas integrasi penggunaan teknologi terkini dalam PdP. Selain itu, proses penaziran akademik ke atas institusi akan dipergiat bagi memastikan kepatuhan terhadap keperluan-keperluan yang ditetapkan. Seterusnya, pengiktirafan agensi luar terhadap program pengajian di Politeknik dan Kolej Komuniti juga perlu diberi perhatian bagi meningkatkan keberkesanan mekanisma penyampaian dan memperkukuh kualiti program pengajian yang ditawarkan.

KEBERHASILAN

Dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif serta langkah proaktif oleh pihak Jabatan dan Institusi, program pengajian TVET di Politeknik dan Kolej Komuniti akan meneraju bidang tujahan tertentu, terkehadapan dan responsif terhadap keperluan industri, berkualiti dan diiktiraf.



Memperkukuh KOLABORASI

Industri, Komuniti dan Alumni

Teras Kelima menjadi tonggak bagi membina jalinan serta jaringan dengan tiga pemegang taruh utama, iaitu industri, komuniti dan alumni. Justeru, pelbagai strategi dirancang, secara khusus, agar segala inisiatif yang dilaksanakan memberi manfaat yang sebaiknya kepada kedua-dua belah pihak.

PELUANG DAN CABARAN

Senario ekonomi semasa yang mencabar telah memungkinkan lebih banyak ruang kerjasama dengan industri mahupun agensi menerusi pelbagai program seperti latihan industri pelajar, program *reskilling*, *upskilling* & *cross-skilling*, Panel Penasihat Industri, tawaran khidmat runding, *Industry On Campus* (IOC), sinergi penyelidikan dan mempelbagai program berpotensi lain yang belum diteroka. Di samping itu, tadbir urus dan sumber kewangan yang kukuh pula amat perlu dalam merencanakan pelaksanaan PSH khususnya bagi kursus berintensifkan aplikasi teknologi terkini. Selain itu, usaha mengangkat TVET ke satu tahap yang lebih baik juga perlu dipelopori melalui pelbagai inisiatif, dan antara lain adalah dengan memupuk budaya menyumbang balik (*giving back*) kepada *alma mater* dalam kalangan alumni.

TUMPUAN 2021-2025

Memperluas kolaborasi merupakan tumpuan utama PSPKK Fasa Kedua. Melalui strategi yang diyakini, tumpuan terhadap industri cenderung dituju kepada kolaborasi berimpak tinggi seperti program bersama *Multinational Corporation* (MNC), Program CEO@PolyCC dan IOC. Manakala kelompok komuniti pula akan lebih didampingi melalui program PSH berdasarkan hala tuju baharu PSH yang berstruktur dan berfokus kepada kumpulan sasar bagi meningkatkan kemahiran dan sosioekonomi. Seterusnya, kerjasama erat dengan alumni akan diperkukuh melalui pengurusan kewangan persatuan yang mantap, aktiviti promosi dan pemasaran serta penstrukturan dan penjenamaan alumni Politeknik dan Kolej Komuniti.

KEBERHASILAN

Diharapkan, pengukuhan kolaborasi Politeknik dan Kolej Komuniti dengan industri, komuniti dan alumni akan menyumbang kepada ekosistem sosioekonomi negara yang kondusif, berdaya saing dan inklusif. Justeru, kolaborasi berimpak tinggi dengan industri, pelaksanaan PSH berstruktur dan bersasar serta peranan alumni menjadi misi penting institusi sebelum bergelar peneraju institusi TVET yang unggul.



Memperkasa PENYELIDIKAN & INOVASI

Pemerkasaan ekosistem penyelidikan, inovasi, pemindahan pengetahuan dan teknologi perlu direncana mengikut acuan dan perubahan semasa sistem TVET. Ini bagi melahirkan warga Politeknik dan Kolej Komuniti yang kreatif dan inovatif bercirikan *solution provider*. Justeru secara signifikan, Teras Keenam mampu meningkatkan kredibiliti penyelidikan dan imej institusi dalam usaha mengaplikasi kepakaran melalui pemindahan pengetahuan dan teknologi kepada industri dan komuniti.

PELUANG DAN CABARAN

Kepakaran mengikut bidang tujuhan warga institusi merupakan kekuatan dan peluang untuk meneroka sumbangan berfokus kepada industri dan komuniti. Oleh yang demikian, perancangan dan pelaksanaan aktiviti penyelidikan, inovasi dan pemindahan pengetahuan dan teknologi secara kolektif boleh meningkatkan nilai tambah kepada kepakaran sedia ada. Maka, nilai penyelidikan dan inovasi yang memacu kecemerlangan institusi dapat ditingkatkan melalui pembudayaan penyelidikan dan inovasi serta kolaborasi secara strategik.

TUMPUAN 2021-2025

Fokus utama Teras Keenam adalah untuk membudayakan penyelidikan, inovasi dan pemindahan pengetahuan dan teknologi mengikut kekuatan dan peluang institusi. Pembudayaan ini menekankan kepada dana penyelidikan, mewujudkan kumpulan pakar penyelidik, penganjuran seminar dan pertandingan inovasi, pembangunan inovasi berfokus, penyelarasan *information governance* dan peningkatan kualiti penerbitan ilmiah. Manakala kolaborasi strategik disasarkan kepada industri kecil dan sederhana, komuniti dan agensi.

KEBERHASILAN

Peningkatan penjanaan nilai penyelidikan dan inovasi dapat memperkasakan aktiviti pemindahan pengetahuan dan teknologi kepada industri dan komuniti. Pada masa yang sama, penyelidikan *fundamental* dan gunaan boleh dilaksanakan mengikut bidang tujuhan dan kepakaran institusi. Selain daripada itu, pembangunan inovasi juga dapat diperkasakan melalui pendaftaran harta intelek berstruktur yang boleh memberi nilai tambah kepada institusi.





“Menganjak ke Arah Kecemerlangan”

Buku ini dihasilkan daripada usaha pemantauan berterusan yang dilaksanakan bagi memastikan peningkatan mutu serta penambahbaikan yang sewajarnya dapat dijalankan, sama ada di peringkat Jabatan mahupun pengoperasian. Kejayaan pelaksanaan PSPKK bertunjangan komitmen barisan pengurusan atasan serta warga yang kompeten yang kemudiannya diterjemah ke dalam Pelan Tindakan Institusi, bagi menggarap setiap objektif strategik mengikut perspektif ditetapkan melalui kaedah pengukuran dan petunjuk prestasi yang bersesuaian.



Walau bagaimanapun, sepanjang Fasa Pertama dilaksanakan, beberapa perubahan dan perkara baharu timbul, yang secara langsung atau tidak, memberi kesan terhadap ekosistem TVET. Antara perkara yang memberi impak besar ialah hala tuju baharu Kerajaan, perubahan pengurusan tertinggi Kementerian, dasar Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Perkara-perkara seperti ini perlu difahami dan dinilai kesan serta impaknya terhadap institusi, pelajar, program dan juga warga dalam merencana strategi Politeknik dan Kolej Komuniti pasca 2020.



Penggabungan JPP dan JPKK pada 16 Mac 2018 telah membuktikan bahawa Politeknik dan Kolej Komuniti boleh bergandingan secara harmonidanmantapbersama-samasebagaisatuentitipenerajuinstitusi TVET negara. Menuju ke arah Fasa Kedua, sinergi perancangan antara pihak Jabatan dan Institusi juga perlu dimuktamadkan agar naratif yang dibangunkan bersifat holistik dan bersepadu. Dengan ini, segala inisiatif, program dan aktiviti yang dirancang mampu dilaksanakan secara realistik, fleksibel dan memberi manfaat optimum. Menuju kecemerlangan dalam tempoh lima tahun akan datang, diharapkan agar Politeknik dan Kolej Komuniti yakin dan tekal berusaha untuk kekal relevan dalam melaksanakan fungsi dan peranan bagi mencapai Misi dan Visi yang dihasratkan.

DAFTAR SINGKATAN

1L5G	1 Lecturer, 5 Graduates	FIRA	Federation of International Robosoccer Association	PolyCC	Polytechnic and Community College
4IR	The Fourth Industrial Revolution	GoT	Graduate on Time	PPIA	Pegawai Pehubungan Industri dan Alumni
APACC	Asia Pacific Accreditation and Certification Commission	GWIL	Global Work Integrated Learning	PPK	Program Peningkatan Kemahiran
AR	Augmented Reality	iGFMS	Integrated Government Financial Management Accounting System	PPPT	Pegawai Pendidikan Perkhidmatan Pengajian Tinggi
ATO	Approved Training Organisation	IMI	Institute of the Motor Industry	PPRN	Public Private Research Network
BIF	Borneo Innovation Festival	IOT	Internet Of Things	PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
C&G	City & Guilds	JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	PSPKK	Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti
CDIO	Conceive Design, Implement and Operate	JPKK	Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti	RMK-12	Rancangan Malaysia Ke-12
CEDEV	Centre of Entrepreneurship Development	JPP	Jabatan Pendidikan Politeknik	SEAMEO	Southeast Asian Ministers of Education Organization
CeLT	Centre for eLearning & Teaching	JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti	SEATVET	Southeast Asia Technical and Vocational Education and Training
CiE-TVET	Conference in Education TVET	JPT	Jabatan Pendidikan Tinggi	SHLP	Skim Hadiah Latihan Persekutuan
CILT	Chartered Institute of Logistics and Transport	KK	Kolej Komuniti	SIP	Structured Internship Programme
CILTM	Chartered Institute of Logistics and Transport Malaysia	KPI	Key Performance Index	SKU	Sasaran Kerja Utama
CISCO	Commercial & Industrial Security Corporation	KPT	Kementerian Pengajian Tinggi	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
CISEC	Corporate, Industrial Services & Employability Centre	KUDAP	Kursus Dalam Perkhidmatan	SPSH	Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat
COT	Centre Of Technology	LEX	Learning Experience Programme	SUKIPT	Sukan Institusi Pengajian Tinggi
COVID-19	Corona Virus (SARS-COV-2) Disease	MoU	Memorandum of Understanding	SYRI	Sistem Penyelidikan dan Inovasi
CPCM	Career Path Competency Matrix	NICERS	National Invention & Innovation Competition Exhibition and Robot-Sumo	TARGS	TVET Applied Research Grant Scheme
CQI	Continuous Quality Improvement	OEE	Overall Equipment Efficiency	TeCC	Technology Enabled Collaborative Classroom
EBOS	Examination Bank Online System	OKU	Orang Kelainan Upaya	TVET	Technical and Vocational Education and Training
EKSA	Ekosistem Kondusif Sektor Awam	OS	Objektif Strategik	VR	Virtual Reality
ESIL	Educational Strategy and Instructional Leadership	PdP	Pengajaran dan Pembelajaran	WBL	Work Based Learning
eSPKP	Sistem Penilaian Kecekapan Prasarana	PeNA	Penaziran Akademik	WKB	Wawasan Kemakmuran Bersama
exSPRO	Excellent Student Project	PERISA	Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET		
		PISH	Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat		
		Poli	Politeknik		

RUJUKAN

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Oktober 2019.

Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020, Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Mei 2015.

Pelan Pelaksanaan Dasar, Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020, Keutamaan dan Penekanan Baharu, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Disember 2018.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015.

Hala Tuju Transformasi Politeknik, Ke Arah Kelestarian Penghasilan Modal Insan Negara, Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi, 2009.

Transformasi Politeknik, Peningkatan ke Arah Kecemerlangan, Fasa 2, Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi, 2013.

Pemeriksaan Kolej Komuniti 2013-2015, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi, Disember 2012.

Strategy for TVET (2016-2021), United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, UNESCO 2016.

Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018.

Rangka Kerja TVET 4.0 (2018-2025), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018.

Blueprint SmartGreen PolyCC 2021-2026, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi, 2020.

Informasi Politeknik, Edisi Oktober 2019, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi.

Informasi Kolej Komuniti, Edisi Oktober 2019, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi.

Penghargaan

Penaung

Ts. Haji Mohamad Amin bin Hamat

Penasihat

Ts. Zainab binti Ahmad

Pengerusi

Dr. Shamsuri bin Abdullah

Editor

Puan Siti Norhidayati binti Kamsari (Ketua)

Puan Nooriza binti Ibrahim

Puan Jamila binti Saad

Ts. Mohd Norhisham bin Dollah

Fasilitator

Dr. Zainal Azhar bin Zainal Abidin | Ts. Mohd. Zulkefli bin Ibrahim

Encik M. Azmi bin Hj. Ruzali | Dr. Faudzi bin Muhammad

Puan Mazillah Azleen binti Mazlan | Cik Ngah Fadzilah binti Abdul Jalil

Dr. Mohd Norhadi bin Muda | Dr. Syafizwan Nizam bin Mohd Faroque

Puan Tamil Chelvi a/p Vadivelu

Rapporteur

Cik Umi Syahidah binti Anuari | Encik Mohd Asnawi bin Abd Wahab

Encik Mohd Sallehuddin bin Yazid | Encik Akashah bin Arshad

Cik Zarina binti Zaini | Puan Zunaidah binti Razali



Bengkel Kerja Penilaian PSPKK Fasa I, 22-24 Julai '20 @KL
Bengkel Kerja Semakan PSPKK Fasa II, 12-14 Ogos '20 @PJ

Terima kasih

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam menilai pencapaian PSPKK Fasa I (2018-2020) dan menyemak hala tuju Fasa II (2021- 2025), menerusi sumbangan idea dan kepakaran penuh komitmen.

Dr. Noreen binti Kamarudin, Dr. Wan Nor Aishah binti Wan Omar, Ts. Dr. Mohd Syahrizad bin Elias, Dr. Umawathy a/p Techanamurthy, Puan Syazrah binti Hamidon, Puan Siti Masliza binti Mohd Naw, Encik Aziz Zuddin bin Othman, Encik A. Azman bin Arshad, Encik Syaiful Afdzal bin Ramli, Puan Wan Marina binti Wan Mohd Nowalid, Encik Khairul Azha bin Ahmad, Puan Farah Hida binti Mohiddin, Cik Siti Assila binti Murtijan, Encik Zul Affandi bin Mohamed Ali, Encik Mohd Nor Mazlan bin Ismail, Puan Nor Maisarah binti Ali @ Abdul Aziz, Puan Suriawati binti Mohd Fadzil, Puan Siti Maryam binti Mohd Arifin, Puan Rohaniah binti Mohd Nor, Encik Mohamad Ali bin Hamzah, Encik Mohd Syahizan bin Shahabani, Encik Mohd Sahrizan bin Sahrudin, Encik Ibrahim bin Husin, Ts. Mohd Firdauz bin Mhd Radzi, Puan Noaryanti binti Mohd Noor, Puan Fadzilah binti Abdullah, Puan Hanida binti Abdullah, Puan Azua Hanim binti Mohd Said, Cik Nur Hafazah binti Sharin, Encik Md Idris bin Isa, Encik Mohd Farizul Irni bin Ismail dan Encik Mohd Ghanim bin Ghazali.

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Aras 5, Galeria PjH, Jln. P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya
MALAYSIA

T: 603.8891 9000

F: 603.8891 9301

<http://mypolycc.edu.my/>



politeknik.edu
kolejkomunitiHQ



politeknikmalaysia
kolejkomunitiHQ



politeknikmalaysia
kolejkomunitiHQ



politeknikkolejkomuniti



Imbas untuk muat turun buku